



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**MENEROKA FAKTOR-FAKTOR YANG
MEMPENGARUHI KEBERKESANAN
PENGAJARAN GURU-GURU
PENDIDIKAN KHAS MASALAH
PEMBELAJARAN**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

SHAMSUL RIZAL BIN KHALIL

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**MENEROKA FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI
KEBERKESANAN PENGAJARAN GURU-GURU PENDIDIKAN
KHAS MASALAH PEMBELAJARAN**

SHAMSUL RIZAL BIN KHALIL



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH
DOKTOR FALSAFAH**

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah


INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 11 (hari bulan) April (bulan) 2023

i. Perakuan pelajar :

Saya, Shamsul Rizal Bin Khalil, P20151000878, Fakulti Pembangunan Manusia (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang Meneroka Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Keberkesanan Pengajaran Guru-Guru Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya




Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, Prof. Dr. Abdul Rahim bin Razalli (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk Meneroka Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Keberkesanan Pengajaran Guru-Guru Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran (TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah Doktor Falsafah (SILA NYATAKAN NAMAIJAZAH).

18.07.2023

Tarikh


Prof. Dr. Abdul Rahim bin Razalli
(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
Universiti Pendidikan Sultan Idris
& (Nama & Cop Basmi / Name & Official Stamp)
35900 Tanjung Malim,
Perak, Malaysia





UPSI/IPS-3/BO 31
Pind.: 01 m/s:1/1



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title : Meneroka Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Keberkesanan
Pengajaran Guru-Guru Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran

No. Matrik / Matric's No. : P20151000878
Saya / I : Shamsul Rizal bin Khalil
(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini
disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat
kegunaan seperti berikut:-
*acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as
follows:-*

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan
penyelidikan.
*Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and
research.*
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan
pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia
seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential
information under the Official Secret Act 1972


☐

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di
mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by
the organization where research was done

☒

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS


(Tandatangan Pelajar/ Signature)


Prof. Dr. Abdul Rahim bin Razalli
(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
Universiti Pendidikan Sultan Idris
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)
35900 Tanjong Malai
Perak, Malaysia

Tarikh: 18.07.2023

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT** @ **TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan
dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

*Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and
reasons for confidentiality or restriction.*





PENGHARGAAN

Segala puji bagi Allah, pemilik keagungan dan kerahmatan. Tiada daya dan upaya kecuali dengan keizinan Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang, dan Maha Mendengar segala keresahan hamba-Nya. Dengan berkat rahmat dan kehendak Allah sahajalah saya berharap dapat menyelesaikan tesis ini. Selawat dan Salam ke atas junjungan Nabi Muhammad SAW dan seluruh ahli keluarga serta sahabat Baginda. Setinggi-tinggi penghargaan khas ditujukan kepada Prof. Dr. Abdul Rahim bin Razalli, penyelia utama dan Dr Nurfishah bt Mat Rabi, penyelia bersama yang banyak membantu dengan memberi ruang dan peluang kepada saya untuk mempelajari dan menghayati bidang penyelidikan, serta sentiasa memberi nasihat dan pandangan yang sangat membantu. Syukur kepada Allah kerana dikurniakan penyelia yang banyak membantu dalam mengharungi cabaran dalam perjalanan PhD ini. Seterusnya saya diucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia yang telah memberikan saya peluang melanjutkan pelajaran pada peringkat Doktor Falsafah.

Ucapan setinggi penghargaan juga rakan-rakan yang membantu Dr Noraini Abdullah, Dr Mohd Zailani Ismail, Dr Mohd Faiz Yaakob, Dr Kama Shafie dan lain-lain yang banyak membantu saya selama ini. Ucapan terima kasih turut ditujukan kepada pengetua-pengetua dan guru-guru pendidikan khas di lima buah sekolah terpilih yang sudi memberikan kerjasama sepanjang kajian ini dijalankan. Teristimewa penghargaan ini ditujukan buat ayah dan ibu yang sangat dikasihi iaitu Khalil bin Abdul Rahman dan Hj Zaharah binti Ismai. Kesabaran dan kegigihan dalam mendoakan saya menjadikan aspirasi dalam hidup ini. Buat isteriku Masnurah bt Hassan Bashari, terima kasih kerana menjadi sahabat setia, sanggup berkorban dan sentiasa memberi nasihat serta sokongan. Buat anak-anakku Muhammad Syahid, Nur Syahida, Muhammad Syakir dan Muhammad Syahmi yang sangat memahami perjalanan PhD bapa mereka telah menjadi satu pengalaman yang sangat bermakna untuk menempuh kehidupan ini. Kejayaan ini merupakan berkat doa kedua ibu bapa dan seluruh ahli keluarga.

Akhir sekali, penghargaan ini ditujukan buat insan-insan yang telah menyumbang secara langsung dan secara tidak langsung dalam proses menyiapkan tesis ini. Ya Allah, rahmatilah kami semua dan kurniakanlah kami kejayaan di dunia dan kejayaan di akhirat.

Shamsul Rizal bin Khalil





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meneroka faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan pengajaran guru pendidikan khas bidang masalah pembelajaran di Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI). Kajian ini berbentuk kajian kualitatif menggunakan reka bentuk kajian kes. Kajian ini menggunakan Model (QAIT) oleh Slavin dan Model Penentuan Kecekapan Guru oleh Cooper. Seramai lapan orang guru pendidikan khas dipilih sebagai peserta kajian daripada lima buah sekolah menengah berdasarkan teknik persampelan bertujuan. Pengumpulan data dilakukan melalui protokol temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Data dianalisis secara deskriptif dan dipersembahkan secara naratif. Dapatan kajian menunjukkan keberkesanan pengajaran guru pendidikan khas masalah pembelajaran adalah dari aspek kualiti pengajaran, aras pengajaran, insentif dan masa. Keberkesanan dari aspek kualiti pengajaran merangkumi merancang pengajaran, penggunaan pelbagai kaedah dan penggunaan bahan bantu mengajar (BBM). Keberkesanan dari aspek aras pengajaran adalah mengikut kebolehan murid, pengajaran berkumpulan dan menguasai isi pelajaran. Dari aspek insentif ianya melibatkan memberi motivasi, kepercayaan dan kepimpinan terhadap murid. Aspek masa pula merangkumi pengajaran awal waktu, masa mencukupi dan fleksibel melaksanakan pengajaran. Kajian turut mendapati penggunaan strategi pengajaran yang berpusatkan guru, berpusatkan murid dan berpusatkan bahan turut diterapkan oleh guru. Selain itu prosedur pengajaran yang berkesan meliputi kemahiran membuat perancangan seperti rancangan pendidikan individu. Prosedur pelaksanaan pula ialah set induksi, komunikasi guru dan pengurusan masa. Manakala prosedur penilaian adalah menyemak hasil kerja, maklum balas dan analisis tugasan. Namun begitu terdapat beberapa kekangan terhadap keberkesanan pengajaran guru iaitu faktor guru, faktor murid dan faktor kemudahan fizikal. Kekangan faktor guru ialah aras kurikulum, latihan guru terhadap murid yang pelbagai. Manakala kekangan faktor murid adalah kurang bersedia, tidak menguasai 3M dan kurang motivasi. Kekangan juga turut melibatkan kemudahan fizikal iaitu keluasan bilik darjah, kurang BBM berteknologi dan kekurangan bilik khas. Berdasarkan hasil kajian ini telah menyumbang kepada aspek keberkesanan pengajaran guru dengan menemukan Model Integrasi Pengajaran Berkesan.

Kata kunci : keberkesanan pengajaran guru, guru pendidikan khas, masalah pembelajaran





EXPLORING THE FACTORS THAT INFLUENCE THE TEACHING EFFECTIVENESS OF SPECIAL EDUCATION TEACHERS WITH LEARNING DISABILITIES

ABSTRACT

This study aims to explore the factors that influence the teaching effectiveness of special education teachers in the field of learning disabilities in the Special Education Program for Integration. This study is a qualitative study using a case study design. This study uses Model (QAIT) by Slavin and Teacher Competency Determination Model by Cooper. A total of eight special education teachers were selected as study participants from five secondary schools based on a purposive sampling technique. Data collection is done through interview protocol, observation and document analysis. Data were analyzed descriptively and presented narratively. The findings of the study show that the teaching effectiveness of special education teachers with learning problems is from the aspects of teaching quality, teaching level, incentives and time. Effectiveness from the aspect of teaching quality includes teaching planning, the use of various methods and the use of teaching aids. Effectiveness from the aspect of teaching level is according to the students' abilities, group teaching and mastering the content of the lesson. From the incentive aspect, it involves giving motivation, trust and leadership to students. The aspect of time includes early teaching, sufficient and flexible teaching time. The study also found that the use of teacher-centered, student-centered and material-centered teaching strategies were also applied by teachers. In addition, effective teaching procedures include planning skills such as individual education plans. The implementation procedure is a set of induction, teacher communication and time management. While the evaluation procedure is to check the work results, feedback and task analysis. However, there are some constraints on the effectiveness of teacher teaching, namely the teacher factor, the student factor and the physical facility factor. Teacher factor constraints are curriculum level, limited teacher training and diverse students. While the constraints of student factors are lack of preparation, not mastering 3M and lack of motivation. Constraints also involve physical facilities such as the size of classrooms, lack of technological fuel and lack of special rooms. Based on the results of this study, it has contributed to the effectiveness of teacher teaching by finding an effective teaching integration model.

Keywords : teaching effectiveness of teachers, special education teachers, learning difficulties.



KANDUNGAN**Muka Surat**

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
SENARAI LAMPIRAN	xviii

BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	4
1.3	Pernyataan Masalah	11
1.4	Objektif Kajian	17
1.5	Persoalan Kajian	17
1.6	Kerangka Konseptual Kajian	18
1.7	Definisi Operasional	21
1.7.1	Meneroka faktor-faktor keberkesanan pengajaran guru	21
1.7.2	Guru Pendidikan Khas	22
1.7.3	Murid Berkeperluan Khas Masalah Pembelajaran	24
1.7.4	Program Pendidikan Khas Integrasi	25
1.8	Batasan Kajian	26

1.9	Kepentingan Kajian	27
1.10	Rumusan Bab	29

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	31
2.2	Sejarah Pendidikan Khas	34
2.3	Program Pendidikan Khas di Malaysia	35
2.4	Kurikulum Pendidikan Khas	39
2.5	Latihan Guru Pendidikan Khas	43
2.6	Peranan Guru Pendidikan Khas	45
2.7	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025	47
2.8	Pengesanan dan Penempatan Persekolahan MBK	51
2.9	Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI)	53
2.9.1	Prosedur Pembukaan PPKI	55
2.9.2	Proses Kemasukan MBK ke PPKI	57
2.9.3	Pelaksanaan Waktu Belajar di PPKI	58
2.10	Pengajaran dan Pembelajaran MBK masalah pembelajaran	60
2.11	Rancangan Pengajaran Individu (RPI)	65
2.12	Model-Model yang berkaitan dengan kajian	67
2.12.1	Model QAIT oleh Slavin	67
2.12.1.1	Kualiti Pengajaran	68
2.12.1.2	Aras Pengajaran	69
2.12.1.3	Insentif	71
2.12.1.4	Masa	72
2.12.2	Model Guru Sebagai Penentuan Ketetapan	74
2.13	Amalan Pengajaran Guru	76

2.13.1 Strategi Pengajaran dan Pembelajaran	80
2.13.2 Amalan Pengajaran Berpusatkan Guru	83
2.13.3 Amalan Pengajaran Berpusatkan Murid	85
2.13.4 Amalan Pengajaran Berpusatkan BBM	87
2.13.5 Pengetahuan Tentang Murid	89
2.13.6 Pengetahuan Tentang Pedagogi dan Kurikulum	91
2.13.7 Guru Sebagai Perancang	92
2.13.8 Perancangan Pengajaran	94
2.13.9 Kaedah Pengajaran	95
2.13.10 Penilaian Pengajaran	97
2.13.11 Penglibatan Ibu Bapa	99
2.14 Kajian-kajian Lepas Berkaitan Pengajaran Guru	101
2.15 Isu-Isu Berkaitan Amalan Pengajaran Guru	106
2.16 Rumusan	108

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	110
3.2 Pendekatan Kajian	111
3.2.1 Kajian Kes	113
3.3 Tempat Kajian	118
3.3.1 Rasional Pemilihan lokasi kajian	119
3.4 Peserta Kajian	122
3.5 Prosedur Pengumpulan Data	127
3.6 Instrumen Kajian	130
3.7 Kajian Rintis	131
3.8 Prosedur Pengumpulan Data	134

3.8.1	Temu bual	136
3.8.2	Pemerhatian	140
3.8.3	Analisis Dokumen	144
3.9	Pentadbiran Kajian Sebenar	146
3.10	Proses Menganalisis Data	149
3.10.1	Analisis Semasa Pengumpulan Data	150
3.10.2	Analisis Selepas Pengumpulan Data	155
3.11	Kesahan	159
3.11.1	Triangulasi Data	161
3.11.2	Tempoh yang lama di lapangan	163
3.11.3	Penelitian Rakan Sekerja	165
3.11.4	Persetujuan Peserta Kajian	166
3.11.5	Jejak Audit	167
3.12	Koefisien Cohen Kappa	169
3.13	Rumusan	172

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	174
4.2	Latar Belakang Peserta Kajian	175
4.2.1	Latar belakang peserta kajian	177
4.3	Latar Belakang Sekolah	184
4.4	Dapatan Kajian	189
4.4.1	Apakah Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Kejayaan Pengajaran Guru Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran	189
4.4.1.1	Kualiti Pengajaran	192
4.4.1.2	Aras Pengajaran	202

4.4.1.3	Insentif	210
4.4.1.4	Masa Pengajaran	218
4.4.2	Apakah Strategi-Strategi Pengajaran yang Mempengaruhi Keberkesanan Pengajaran Guru terhadap MBK Masalah Pembelajaran di PPKI	223
4.4.2.1	Strategi Pengajaran Berpusatkan Guru	225
4.4.2.2	Strategi Pengajaran Berpusatkan Murid	237
4.4.2.3	Strategi Pengajaran Berpusatkan BBM	244
4.4.3	Adakah Prosedur Pengajaran yang diamalkan mempengaruhi keberkesanan pengajaran guru pendidikan khas di PPKI	256
4.4.3.1	Prosedur Perancangan	258
4.4.3.2	Prosedur Pelaksanaan	264
4.4.3.3	Prosedur Penilaian	274
4.4.4	Apakah Kekangan yang dihadapi oleh guru dalam melaksanakan amalan pengajaran berkesan di PPKI	283
4.4.4.1	Kekangan Disebabkan Faktor Guru	285
4.4.4.2	Kekangan Disebabkan Faktor Murid	293
4.4.4.3	Kekangan Disebabkan Faktor Kemudahan Fizikal	300
4.5	Rumusan	308

BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	310
5.2	Ringkasan Kajian	311
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	313
5.3.1	Meneroka Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Kejayaan Pengajaran Guru Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran di PPKI	314
5.3.1.1	Kualiti Pengajaran	314

5.3.1.2	Kesesuaian Aras Pengajaran	318
5.3.1.3	Insentif	320
5.3.1.4	Masa Pengajaran	323
5.3.2	Mengenal pasti Strategi-Strategi Pengajaran yang Mempengaruhi keberkesanan Pengajaran Guru terhadap MBK Masalah Pembelajaran di PPKI	325
5.3.2.1	Strategi Pengajaran Berpusatkan Guru	325
5.3.2.2	Strategi Pengajaran Berpusatkan Murid	329
5.3.2.3	Strategi Pengajaran Berpusatkan BBM	331
5.3.3	Mengenal pasti Prosedur Pengajaran yang diamalkan oleh Guru Pendidikan Khas di PPKI	334
5.3.3.1	Prosedur Perancangan	334
5.3.3.2	Prosedur Pelaksanaan	338
5.3.3.3	Prosedur Penilaian	341
5.3.4	Mengenal pasti Kekangan yang Dihadapi oleh Guru Dalam Melaksanakan amalan pengajaran yang berkesan di PPKI	344
5.3.4.1	Kekangan Disebabkan Faktor Guru	345
5.3.4.2	Kekangan Disebabkan Faktor Murid	348
5.3.4.2	Kekangan Disebabkan Faktor Kemudahan Fizikal	350
5.4	Implikasi Dapatan Kajian	353
5.5	Sumbangan kajian	367
5.5.1	Sumbangan kepada bidang ilmu	367
5.5.2	Sumbangan kepada amalan	368
5.6	Cadangan dan kajian lanjutan	375
5.7	Rumusan	377



RUJUKAN

379

LAMPIRAN



**SENARAI JADUAL**

No. Jadual	Muka Surat
1.1 Data Pendidikan Khas 2020	6
1.2 Bilangan MBK di PPKI Sekolah Menengah 2020	7
3.1 Contoh ayat soalan protokol temubual	133
3.2 Tempoh pengumpulan data kajian	148
3.3 Senarai pakar penilai kebolehpercayaan	169
3.4 Pengiraan nilai persetujuan kappa Koefisian	171
3.5 Skala interpretasi nilai koefisian Cohen Kappa	171
4.1 Latar belakang peserta kajian	176
4.2 Kategori sekolah S1-S5	184
4.3 Rumusan dari faktor kualiti pengajaran	192
4.4 Rumusan dari faktor aras pengajaran	203
4.5 Rumusan dari faktor Insentif	211
4.6 Rumusan dari faktor masa pengajaran	218
4.7 Rumusan kaedah pengajaran berpusatkan guru	225
4.8 Rumusan kaedah pengajaran berpusatkan murid	238
4.9 Rumusan kaedah pengajaran berpusatkan BBM	245
4.10 Rumusan prosedur peringkat perancangan	258
4.11 Rumusan prosedur peringkat pelaksanaan	265
4.12 Rumusan prosedur peringkat penilaian	275
4.13 Rumusan kekangan disebabkan faktor guru	285
4.14 Rumusan kekangan disebabkan faktor murid	293
4.15 Rumusan kekangan disebabkan faktor kemudahan fizikal	300



**SENARAI RAJAH**

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka Konseptual Kajian	20
2.1	Carta Alir Proses Kemasukan Murid	58
2.2	Model QAIT	73
2.3	Model Guru Sebagai Penentu Kecekapan	76
3.2	Proses Pengumpulan Data Kualitatif	135
3.3	Proses analisis data kajian	159
4.1	Meneroka faktor-faktor yang mempengaruhi kejayaan pengajaran guru pendidikan khas di PPKI	191
4.2	Strategi pengajaran yang mempengaruhi keberkesanan pengajaran guru	224
4.3	Prosedur pengajaran yang mempengaruhi keberkesanan pengajaran guru	257
4.4	Kekangan yang dihadapi oleh guru pendidikan khas semasa melaksanakan pengajaran	284
5.1	Model Integrasi Pengajaran Berkesan (MIPB)	355



**SENARAI SINGKATAN**

BBM	Bahan Bantu Mengajar
BD	Ketidakupayaan pendengaran
BL	Ketidakupayaan penglihatan
BP	Masalah Pembelajaran
BPPDP	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar
BPK	Bahagian Pendidikan Khas
IPG	Institut Pendidikan Guru
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
JNJK	Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KAV	Kemahiran Asas Vokasional
KPLI	Kursus Perguruan Lepas Ijazah
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KPT	Kementerian Pengajian Tinggi
KSSM PK	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (Pendidikan Khas)
KSSRPK	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (Pendidikan Khas)
MBK	Murid Berkeperluan Khas
MBP	Murid Bermasalah Pembelajaran
MD	Ketidakupayaan Pelbagai
MIPB	Model Integrasi Pengajaran Berkesan
PAK 21	Pembelajaran abad ke-21
PdP	Pengajaran dan pembelajaran
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah





PPKI	Program Pendidikan Khas Integrasi
RPI	Rancangan Pendidikan Individu
SKM	Sijil Kemahiran Malaysia
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
TMK	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
USM	Universiti Sains Malaysia



SENARAI LAMPIRAN

- A Inventori Protokol Temu bual
- B Laporan Nota Lapangan
- C Pesetujuan Peserta Kajian Terhadap Temu Bual
- D Surat Lantikan Pakar Koefisian Cohen Kappa
- E Surat Lantikan Sebagai Peserta Kajian
- F Borang Pengesahan Item Temu Bual
- G Pengesahan Pakar Tema Kualitatif
- H Contoh Pemilihan Tema dan Petikan Data Temu Bual
- I Surat Kelulusan Menjalankan Kajian dari EPRD.
- J Surat Kebenaran Menjalankan Kajian dari JPN Perak
- K Surat Kebenaran Menjalankan Kajian dari JPN Kedah

BAB 1

PENGENALAN

Keberkesanan pengajaran guru semasa melaksanakan pengajaran di bilik darjah adalah begitu bermakna dan berkait rapat dengan tanggungjawab ilmu yang perlu dimiliki oleh seseorang guru. Kejayaan dan keberkesanan dalam melaksanakan pengajaran itu perlu dilaksanakan berdasarkan beberapa aspek seperti kualiti pengajaran guru, kebolehan murid dan beberapa faktor lain yang membantu. Pengajaran guru yang berkesan bukan sahaja dapat meningkatkan kualiti pengajaran guru tersebut tetapi yang paling penting adalah kearah kemenjadian murid agar mereka tidak tercicir ilmu pengetahuan serta menerima peluang pendidikan yang sama terutama murid berkeperluan khas (MBK). Dalam situasi ini, keberhasilan untuk kemenjadian murid tentunya signifikan dengan kemenjadian guru. Dalam hal ini peranan seorang guru untuk memiliki kemahiran bagi menyampaikan ilmu pengetahuan terutama terhadap murid berkeperluan khas

(MBK) amat dituntut. Guru pendidikan khas bukan sahaja berperanan dalam memacukan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) di bilik darjah tetapi turut berfungsi terhadap proses menyampaikan maklumat dan ilmu pengetahuan dengan sebaik mungkin serta sesuai dengan tahap keupayaan murid itu sendiri.

Tanggungjawab guru pendidikan khas turut berperanan sebagai pembimbing, pendidik dan pemudahcara terhadap pembelajaran murid. Bagi memastikan guru dapat menyampaikan proses pengajaran dengan berkualiti maka guru perlu memiliki pengetahuan, kefahaman serta kemahiran mengenal pasti latar belakang murid selain memahami nilai amalan profesionalisme keguruan. Dalam perkara ini antara petunjuk terbaik terhadap keberkesanan pengajaran yang berjaya adalah proses yang berlaku dalam bilik darjah itu sendiri. Kemahiran guru untuk melaksanakan pengajaran yang berkesan perlu dilaksanakan oleh semua guru termasuklah guru-guru yang mengajar Murid Berkeperluan Khas (MBK) masalah pembelajaran. (KPM, 2013).

Guru pendidikan khas masalah pembelajaran merupakan golongan guru yang telah dilatih serta didedahkan secara khusus terhadap proses pengajaran bagi menyampaikan pengetahuan dan kemahiran kepada MBK masalah pembelajaran. Cara pengajaran guru yang mengajar murid berkeperluan khas adalah agak berbeza dengan murid tipikal yang lain disebabkan oleh kekurangan yang dihadapi oleh murid berkeperluan khas itu sendiri. (Zalizan Mat Jelas, 2009). Guru yang mengajar murid MBK perlu merancang dan melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti dan bersungguh-sungguh untuk mengembangkan potensi dan pencapaian murid semaksimum yang boleh. Dalam konteks murid berkeperluan khas ini mereka perlu diberikan pengetahuan, kemahiran, penerapan nilai supaya mereka dapat hidup

secara berdikari bagi meneruskan kehidupan bersama masyarakat. Bagi memenuhi kesemua aspek tersebut maka keperluan pembelajaran mereka yang sesuai, menarik dan bermanfaat perlu disediakan melalui proses PdP yang berkesan. (Ahmad Tajudin, 2015).

Program Pendidikan Khas yang diperkenalkan atas saranan dan gesaan beberapa deklarasi di peringkat antarabangsa. Antara deklarasi yang menjadi dasar kepada pendidikan khas di Malaysia ialah *The Framework for Action On Special Education* (Pernyataan Salamanca,1994) yang memfokuskan kepada dasar, polisi dan amala pendidikan untuk kanak-kanak dan murid berkeperluan khas (Mohd.Mokhtar Tahar & Farhana Najib, 2019). Keperluan-keperluan pembelajaran untuk murid berkeperluan khas masalah pembelajaran juga adalah berdasarkan kepada Persidangan Dunia yang bertemakan *World declaration for all: Meeting basic needs* di Jomtien, Thailand (United Nation, 1990).

Dalam deklarasi tersebut jelas menyatakan bahawa MBK juga berhak untuk mendapatkan akses dan peluang yang sama dengan murid yang lain dalam sistem pendidikan negara. Sehubungan dengan itu, maka setiap sekolah perlu menyediakan kemudahan serta peluang untuk semua jenis murid supaya dapat belajar bersama tanpa mengira latar belakang dan kekurangan yang dimiliki. Secara realitinya pada ketika ini masih terdapat stigma masyarakat bahawa MBK dianggap sebagai golongan murid yang mempunyai kemampuan untuk belajar yang perlahan dan sukar untuk dikembangkan potensi mereka. Namun begitu secara hakikatnya MBK bukanlah murid yang tidak boleh menerima proses pembelajaran tetapi mereka memerlukan proses pengajaran yang berbeza dengan murid normal. Justeru itu jika MBK ini diberikan

peluang dan cara bimbingan yang sesuai, mereka juga berupaya untuk memperoleh sesuatu yang setaraf dengan murid arus perdana yang lain. (K.A Razhiyah, 2009).

1.2 Latar Belakang Kajian

Program Pendidikan Khas diwujudkan bertujuan menyediakan MBK ini sebagai golongan yang mempunyai berkemahiran, hala tuju dalam kehidupan, berupaya, beriman, boleh berdikari, mampu merancang kehidupan seterusnya berdasarkan kepada bakat dan potensi diri yang dimiliki yang seimbang serta produktif. Hasrat tersebut dijelaskan melalui Falsafah Pendidikan Khas iaitu:

“Pendidikan Khas di Malaysia adalah satu usaha yang bertujuan untuk melahirkan insan yang berkemahiran, berhaluan, berupaya, beriman, berdikari, mampu merancang dan menguruskan kehidupan serta menyedari potensi diri sendiri sebagai seorang individu dan ahli masyarakat yang seimbang dan produktif selaras dengan falsafa pendidikan negara”.

(Jabatan Pendidikan Khas, KPM, 1997)

Murid berkeperluan khas bermasalah pembelajaran bermaksud murid yang mempunyai masalah kecerdasaran otak yang tidak selaras dengan usia biologikalnya seperti Lewat Perkembangan Global, Sindrom Down, Kurang Upaya Intelektual dan keadaan yang boleh menjejaskan kemampuan mereka dalam pembelajaran secara individu seperti *autisme*, *Attention Deficit Hyperactivity Disorder* (ADHD) dan masalah pembelajaran spesifik dan Kurang Upaya Pelbagai. (Bahagian Pendidikan Khas, KPM (2015). Murid berkeperluan khas (MBK) diguna pakai bagi menjelaskan tafsiran murid berkeperluan pendidikan khas.

“Pendidikan Khas” ertinya pendidikan untuk murid berkeperluan pendidikan khas di suatu sekolah khas, atau di sekolah yang melaksanakan Program Pendidikan Khas Integrasi atau Program Pendidikan Inklusif di peringkat (a) pendidikan prasekolah (b) pendidikan rendah (c) pendidikan menengah dan (d) pendidikan lepas menengah. Manakala “Program Pendidikan Khas Integrasi” ertinya sesuatu program pendidikan yang disediakan untuk murid berkeperluan khas (MBK) yang hanya dihadiri oleh MBK di kelas khas yang ditawarkan di sekolah kerajaan atau bantuan kerajaan. (Bahagian Pendidikan Khas, KPM 2015).

Bagi menyediakan keperluan-keperluan yang sepatutnya dimiliki oleh MBK ini, Bahagian Pendidikan Khas di bawah bidang kuasa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) perlu memastikan mereka memperoleh akses pendidikan yang berkualiti dan mampu memberi manfaat ke arah perkembangan hidup yang berkualiti. Oleh itu setiap pihak yang terlibat perlu memastikan penyampaian perkhidmatan pendidikan kepada MBK perlu dilaksanakan secara berkualiti dan tertakluk kepada Akta dan Peraturan-Peraturan Pendidikan semasa. Antara tugas dan tanggungjawab Bahagian Pendidikan Khas adalah menyediakan keperluan pengajaran dan pembelajaran (PdP) melalui perancangan program peningkatan dan keberkesanannya. Selain itu keperluan bahan atau alat sokongan PdP untuk MBK dan menilai pelaksanaan PdP perlu dilaksanakan termasuk Rancangan Pendidikan Individu (RPI) seperti yang di gariskan melalui Kod Amalan Pendidikan Murid Berkeperluan Khas 2015.

Program Pendidikan Khas untuk MBK masalah pembelajaran dikenali sebagai Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) masalah pembelajaran. Berdasarkan Akta Pendidikan 1996, Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas 2013) Bahagian 3

menyatakan ‘Program Pendidikan Khas Integrasi’ atau PPKI bermaksud suatu program pendidikan bagi MBK yang disediakan khusus di kelas khas di sekolah kerajaan atau bantuan kerajaan. Program ini disediakan di sekolah harian biasa samada di peringkat sekolah rendah, sekolah menengah serta sekolah menengah teknik dan vokasional yang menggunakan pendekatan pembelajaran dan pengajaran secara berasingan dan separa inklusif (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014).

Berdasarkan statistik Data Pendidikan Khas (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2020), bilangan sekolah yang menawarkan PPKI di seluruh negara adalah sebanyak 2472 buah sekolah rendah dan menengah di seluruh negara. Seramai 42,596 murid mengikut di kelas PPKI sekolah rendah dan seramai 30,806 murid di sekolah menengah. MBK masalah pembelajaran merupakan kategori murid yang paling ramai mengikut kelas di PPKI berbanding kategori kurang upaya penglihatan dan kurang upaya pendengaran.

Jadual 1.1

Bilangan Murid Berkeperluan Khas (MBK) Mengikuti PPKI di Sekolah 2020

PROGRAM	JUMLAH MBK
Program Pendidikan Integrasi (Rendah)	42,596
Program Pendidikan Khas Integrasi (Menengah)	30,806
JUMLAH	73,402

Sumber: Data Pendidikan Khas. Bahagian Pendidikan Khas. KPM (2020)

Jadual 1.1 menunjukkan bilangan MBK mengikut sekolah dan Program Pendidikan Khas pada tahun 2020. Berdasarkan jadual 1.1 tersebut mendapati bahawa

bilangan MBK yang mengikuti pembelajaran di PPKI peringkat rendah dan peringkat menengah adalah seramai 73,402 murid.

Jadual 1.2

Bilangan MBK Masalah Pembelajaran di PPKI Sekolah Menengah Mengikut Negeri

Bil	Negeri	Jumlah
1.	Johor	3,582
2.	Kedah	2,249
3.	Kelantan	2,615
4.	Melaka	1,342
5.	Negeri Sembilan	1,294
6.	Pahang	1,760
7.	Perak	2,479
8.	Perlis	428
9.	Pulau Pinang	1,353
10.	Sabah	2,724
11.	Sarawak	1,847
12.	Selangor	5,123
13.	Trengganu	1,976
14.	W.P Kuala Lumpur	1,705
15.	W.P Labuan	127
16.	W.P Putrajaya	202
JUMLAH		30,806

Sumber: Data Pendidikan Khas. Bahagian Pendidikan Khas. Kementerian Pendidikan Malaysia (2020)

Jadual 1.2 menunjukkan jumlah MBK di PPKI peringkat menengah mengikut negeri pada tahun 2020. Berdasarkan Jadual 1.2 di atas, jumlah MBK masalah pembelajaran adalah seramai 30,806 murid. Berdasarkan data yang ditunjukkan mendapati terdapat peningkatan bilangan MBK masalah pembelajaran mengikut pembelajaran di PPKI setiap tahun. Situasi ini jelas menunjukkan bahawa perlunya pihak KPM melalui Bahagian Pendidikan Khas sentiasa merancang keperluan guru yang terlatih, keperluan pembelajaran MBK, pembangunan infrastruktur, program peningkatan PPKI dan sebagainya. Sehubungan itu tugas dan tanggung jawab guru



pendidikan khas masalah pembelajaran juga mesti dipertingkatkan sejajar dengan perkembangan pendidikan masa kini.

Pada asasnya, Dasar Pendidikan Khas oleh KPM itu sendiri bertujuan supaya semua MBK diberikan peluang untuk mendapatkan saluran pendidikan yang sesuai dan relevan dengan kebolehan murid agar dapat berdikari. MBK yang mempunyai potensi turut diberikan peluang ditempatkan di kelas inklusif dalam arus perdana. Oleh itu dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab berkenaan golongan yang paling hampir dengan MBK adalah guru pendidikan khas. Dalam konteks guru yang mengajar MBK masalah pembelajaran ini amat memerlukan pengetahuan guru yang mahir mengajar mengikut keupayaan murid berdasarkan pelbagai ketidakupayaan yang berbeza.



Bagi menenuhi keperluan pembelajaran MBK tersebut, pelbagai program pendidikan telah diwujudkan atau disediakan untuk memenuhi keperluan pendidikan untuk MBK seperti sekolah khas dan program integrasi pendidikan khas di kebanyakan sekolah agar sejajar dengan pembangunan pendidikan untuk murid berkeperluan khas. Bagi keperluan MBK masalah pembelajaran, penubuhan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) telah diwujudkan dengan harapan agar mereka dapat menerima pendidikan formal secara sistematik yang sama seperti murid tipikal yang lain. (Nurfishah Mat Rabi, 2019). Di Malaysia, keprihatinan kerajaan melalui KPM dalam pembangunan pendidikan untuk MBK telah lama disediakan supaya sebagai warganegara mereka juga sewajar dapat menikmati akses pendidikan dalam pelbagai peringkat. Ia bertujuan agar nasib dan masa depan untuk MBK ini semakin terbela dan mendapat perhatian yang bersungguh-sungguh dari semua pihak yang berkaitan.





MBK masalah pembelajaran secara khususnya merujuk kepada kanak-kanak yang kurang sempurna samada dalam aspek fizikal, mental, emosi dan sensori. Kurang upaya mereka berkait rapat dengan masalah kerencatan mental, penglihatan, pendengaran, pertuturan, gangguan emosi dan bermasalah tingkah laku. Ketidakupayaan-ketidakupayaan yang dialami menyebabkan berlakunya masalah dalam pembelajaran mereka seperti kemahiran mendengar, berfikir, bertutur, membaca, menulis dan menaakul. Masalah ini antaranya berpunca daripada kegagalan fungsi sistem saraf telah menyebabkan berlakunya masalah tingkah laku, interaksi sosial, kekeliruan membuat tanggapan dan ianya boleh berlaku pada pelbagai tahap umur. Ketidakupayaan ini telah menghalang keupayaan mereka untuk menerima dan melaksanakan arahan atau tugas pembelajaran yang biasa dilakukan oleh murid lain.



MBK masalah pembelajaran beberapa perkara asas yang amat penting perlu diberikan perhatian seperti keperluan pembelajaran murid yang relevan dengan kebolehan, kemudahan infrastruktur yang sesuai, bahan bantu mengajar serta guru pendidikan khas yang terlatih dan berpengetahuan. MBK masalah pembelajaran yang berpotensi wajar diberikan peluang untuk mendapat pendidikan samada di Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) dan di program inklusif. Bagi menjadikan guru pendidikan khas yang berkualiti, seorang guru itu perlu bersedia menerima perubahan dalam dunia pendidikan masa kini supaya memiliki sifat yang istimewa dan mampu menghadapi pelbagai cabaran yang ada. Bagi mengajar MBK masalah pembelajaran maka kemahiran dan kecekapan guru mengajar amat diperlukan. Tahap pencapaian MBK masalah pembelajaran untuk mencapai matlamat pembelajarannya amat bergantung kepada keberkesanan pengajaran guru. (Noraini, 2017).



Menurut K.A Razhiyah (2008) untuk menghasilkan kaedah pengajaran yang efektif, setiap guru yang mengajar MBK masalah pembelajaran perlu mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang tinggi di samping berdedikasi terhadap pengajaran yang dilakukannya. Oleh itu, guru harus bertindak untuk meneroka keperluan pembelajaran murid yang sebenar untuk mengenal pasti strategi dan langkah pengajaran supaya bersesuaian dengan tahap kebolehan murid. Guru pendidikan khas perlu berusaha untuk meningkatkan kemahiran mengajar dengan menggunakan pengetahuan dan pengalaman yang diperolehi dengan melihat kepada kekuatan dan kelemahan sesuatu kaedah pengajaran itu.

Menurut Suhaida (2007) bagi melahirkan guru yang cekap dan mahir adalah agak sukar kerana faktor-faktor kecekapan dan kemahiran guru dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran bergantung kepada tindakan guru itu sendiri. Mengenal pasti tahap keupayaan murid, memilih strategi pengajaran yang sesuai, menyusun langkah-langkah pengajaran yang tepat, mengajar mata pelajaran yang pelbagai, aras kurikulum yang tinggi dan sebagainya antara cabaran yang dihadapi oleh guru pendidikan khas masalah pembelajaran di Program Pendidikan Khas Integrasi. Keupayaan guru pendidikan khas melaksanakan keberkesanan pengajaran memerlukan komitmen yang tinggi untuk mengembangkan diri sebagai seorang yang profesional. Ini kerana pendidikan merupakan satu profesion yang menuntut kepada sifat keilmuan seseorang itu.

Sehubungan itu, guru perlu berusaha untuk menambah ilmu pengetahuan melalui pengalaman, latihan dan motivasi diri supaya dapat memberi manfaat kepada murid dan seterusnya memenuhi aspirasi pendidikan negara. Johnson (2003) berpendapat

peningkatan proses pembelajaran murid masalah pembelajaran untuk mencapai kejayaan adalah banyak bergantung kepada kecekapan dan pengetahuan guru pendidikan khas yang mendalam. Justeru itu, tahap pengetahuan pedagogi dan isi kandungan pelajaran oleh guru perlu dipertingkatkan dari semasa ke semasa untuk melengkapkan konsep pengajaran dan pembelajaran yang berkesan.

1.3 Pernyataan Masalah

Pelan Pembangunan dan Pendidikan Malaysia 2013-2025 merupakan matlamat kerajaan untuk meningkatkan taraf pendidikan negara. Bagi merealisasikan matlamat pembangunan pendidikan secara keseluruhannya kanak-kanak kurang upaya juga turut

diberikan perhatian dalam agenda tersebut. Dasar Pendidikan Kebangsaan 2012 menegaskan Pendidikan Khas diwujudkan untuk memenuhi keperluan pendidikan murid berkeperluan khas yang dikenal pasti mempunyai kurang upaya penglihatan, kurang upaya pendengaran, kurang upaya pertuturan, kurang upaya fizikal, masalah pembelajaran, dan kurang upaya pelbagai di peringkat prasekolah, rendah, menengah, dan lepasan menengah (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012). Perkara tersebut juga ditegaskan dalam Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013 (Warta kerajaan, 2012). Pendidikan Khas perlu melibatkan murid kurang upaya yang menggunakan, bahan-bahan khas, peralatan khas, termasuk teknik pengajaran dan pembelajaran mengikut tahap kebolehan dan keupayaan murid. Pendidikan Khas juga memerlukan pelbagai khidmat sokongan bagi membantu murid belajar dengan berkesan. Murid berkeperluan khas yang mengalami pelbagai masalah perkembangan kognitif, emosi, tingkah laku dan sosial perlu mendapat pendidikan yang sama seperti

murid lain. Masalah mereka mungkin kurang bertindak balas dengan strategi pengajaran dan pembelajaran biasa maka program yang disediakan untuk mereka perlu mengambil kira pelbagai faktor seperti bahan pembelajaran, persekitaran, jenis kelas, teknik pengajaran, kepakaran dan penglibatan masyarakat.

Menurut kajian Siti Fatimah dan Mustafa (2018), kebanyakan guru yang terlibat mengajar murid masalah pembelajaran merasa bimbang kerana kurangnya pengetahuan yang disebabkan oleh perbezaan murid dari segi kebolehan serta untuk memenuhi keperluan pembelajaran mereka. Justeru itu kepakaran guru dalam menentukan strategi pengajaran yang dikenal pasti amat diperlukan bagi mencapai matlamat pembelajaran MBK masalah pembelajaran. Oleh itu guru pendidikan khas perlu peka terhadap apa yang murid harus tahu dan dapat dilakukan hasil daripada pengajaran yang berkesan bagi menyokong kejayaan pembelajaran mereka. Bagi melihat kemahiran dan kecekapan guru pendidikan khas masalah pembelajaran, pengkaji mendasari kajian oleh Nizam Lee dan Shafli (2017). Kajian ini berpandangan bahawa guru pendidikan khas masalah pembelajaran perlu memiliki kemahiran yang tinggi berkaitan pengetahuan dalam bidang tersebut. Pengetahuan, kemahiran dan pengalaman yang diperolehi oleh mereka seharusnya menjadikan proses pengajaran mereka bertambah baik dan seterusnya dapat memberi manfaat kepada MBK masalah pembelajaran khususnya. Dalam hal ini guru pendidikan khas perlu bersedia dan berusaha untuk menerima perubahan-perubahan yang termasuk dalam amalan pengajaran masa kini. Kegagalan guru untuk dalam membuat perancangan, melaksanakan dan menyediakan perkhidmatan pembelajaran dengan teliti akan memberikan impak yang negatif kepada MBK sehingga menyebabkan mereka merasa suatu yang dipelajari itu adalah sukar untuk dilakukan.



Tanggungjawab dan peranan guru pendidikan khas semakin bertambah untuk memenuhi keperluan pembelajaran MBK masalah pembelajaran masa kini. Oleh itu terdapat pelbagai cabaran yang sering dihadapi oleh guru seperti memilih pelbagai strategi pengajaran yang sesuai dengan perkembangan diri, pencapaian murid yang rendah, bakat, minat serta latar belakang murid yang berbeza antara satu sama lain. Selain itu juga proses pembelajaran MBK masalah pembelajaran yang masih banyak bergantung kepada guru disebabkan oleh ketidakupayaan untuk membuat keputusan, tidak berupaya memberi pandangan, mudah keliru dan kurang keyakinan diri yang terdapat dalam diri MBK. Keadaan ini memerlukan guru pendidikan khas untuk menyusun strategi pengajaran, pemilihan bahan yang sesuai bagi mengelakkan proses pengajaran guru menjadi perlahan dan memerlukan masa yang lebih lama untuk mengatasinya. (Noraini Abdullah, 2017).



Kajian oleh Roslan (2016) juga menunjukkan bahawa murid yang mempunyai masalah pembelajaran kurang berupaya sukar untuk menguasai isi kandungan atau sesuatu kemahiran yang dilaksanakan untuk mereka di dalam bilik darjah. Kajian juga mendapati proses pembelajaran mereka lebih mengharapkan bantuan dan sokongan guru yang sesuai dengan keperluan pembelajaran mereka yang sebenar. Guru turut berhadapan dengan tekanan untuk mengajar murid tersebut termasuk kesukaran dalam beberapa aspek penting berkaitan pengajaran dan pembelajaran seperti kaedah mengajar, aktiviti murid, langkah pengajaran, bahan perancangan pengajaran, bahan bantu mengajar dan penilaian yang sesuai.

Manakala kajian oleh Hazlin Haris & Khairul farhah Khairudin (2021) menjelaskan bahawa guru pendidikan khas perlu mempunyai kemahiran untuk



merancang, melaksanakan dan menilai suatu strategi dan kaedah pengajaran agar matlamat kemenjadian MBK dapat dicapai. Sehubungan dengan itu, guru sebagai individu yang terdekat dengan MBK perlu mempunyai kemahiran untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan MBK supaya keperluan pembelajaran yang sesuai dapat dipenuhi. Kepelbagaian ketidakupayaan yang dialami oleh murid kurang upaya menyebabkan mereka lebih memerlukan pendekatan pengajaran secara individu. Situasi ini tentunya memberikan cabaran terhadap guru pendidikan khas untuk menyediakan keperluan pembelajaran yang berbeza. Oleh itu guru pendidikan khas perlu menyusun langkah-langkah pengajaran dengan menyediakan rancangan pengajaran yang terbaik melalui maklum balas yang di terima daripada murid bagi membantu meningkatkan prestasi pengajaran mereka. Kegagalan guru untuk merancang dan melaksanakan pengajaran yang sesuai untuk MBK boleh mengakibatkan murid yang terlibat akan ketinggalan dan sukar untuk mencapai matlamat pembelajaran yang diharapkan untuk mereka. (Johnson & Semmelroth, 2014).

Dalam usaha untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran supaya proses penyampaian ilmu kepada MBK masalah pembelajaran mencapai tahap yang dikehendaki, guru pendidikan khas masalah pembelajaran turut menghadapi pelbagai kekangan seperti kekeliruan dalam kemahiran pedagogi untuk memilih strategi dan pendekatan pembelajaran yang sesuai disebabkan oleh tahap keupayaan murid yang rendah dan memerlukan pembelajaran yang lebih spesifik. Kekurangan latihan pembangunan profesionalisme yang berterusan, aras kurikulum yang tinggi serta kemudahan infrastruktur yang terhad menyebabkan guru pendidikan khas menghadapi

kesukaran untuk menyediakan perkhidmatan yang terbaik terhadap murid. (Hannah Aqilah, Rosadah & Manisah, 2019).

Berdasarkan kepada dapatan kajian-kajian lepas yang diperolehi berkaitan perkembangan semasa berkaitan tahap pengetahuan dan kecekapan pengajaran guru pendidikan khas masalah pembelajaran maka terdapat keperluan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang boleh mempengaruhi keberkesanan pengajaran guru terhadap MBK terutamanya di program pendidikan khas integrasi untuk murid masalah pembelajaran. Ini kerana MBK masalah pembelajaran merupakan bilangan murid yang paling ramai di kalangan MBK. Keberkesanan pengajaran guru dalam pengajaran adalah penting kerana MBK masalah pembelajaran banyak bergantung kepada guru untuk mendapat manfaat dari ilmu yang dipelajari. Kecekapan dan kemahiran guru yang tinggi pasti mampu memberikan impak yang positif terhadap perkembangan pembelajaran MBK masalah pembelajaran khususnya. Ini kerana mereka bukanlah merupakan kumpulan yang tidak boleh untuk belajar tetapi mereka memerlukan bantuan dan bimbingan dalam proses pembelajaran yang sesuai dengan ketidakupayaan yang dihadapi. Kegagalan dalam melaksanakan pengajaran guru yang berkesan akan menyebabkan MBK masalah pembelajaran merasa bosan, keliru dan merasakan sukar untuk belajar sehingga menjejaskan matlamat pendidikan untuk mereka.

Sebagai rumusannya terhadap keseluruhan permasalahan kajian yang dikesan, pengkaji cuba untuk meneroka faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan pengajaran guru, mengenal pasti strategi pengajaran yang sering digunakan, mengenal pasti prosedur pengajaran yang diamalkan serta mengenal pasti kekangan yang dihadapi oleh guru pendidikan khas masalah pembelajaran. Oleh itu kajian berkaitan

meneroka faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan pengajaran guru pendidikan khas masalah pembelajaran, strategi pengajaran guru, prosedur pengajaran guru dalam melaksanakan pengajaran di bilik darjah kurang dikaji oleh mana-mana pihak. Kajian-kajian berkaitan meneroka keberkesanan pengajaran guru yang ditemui rata-ratanya menggunakan kajian berbentuk kuantitatif yang menggunakan model pengajaran yang sama iaitu Model Pengajaran QAIT oleh Slavin. Bagi mengenal pasti strategi dan prosedur pengajaran dalam kajian ini, pengkaji menggunakan Model Guru Penentuan Kecekapan oleh Cooper untuk meneroka faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan pengajaran guru pendidikan khas.

Sehubungan itu, dapatan kajian ini boleh memberi sumbangan kepada penambahbaikan berterusan untuk meningkatkan kecekapan profesional guru pendidikan khas terutama berkaitan amalan pengajaran guru yang berkesan. Kajian ini dapat membantu meningkatkan pemahaman guru yang lebih mendalam khususnya guru pendidikan khas masalah pembelajaran di peringkat sekolah rendah dan menengah, guru-guru baharu yang menceburi bidang pendidikan khas, guru-guru aliran perdana yang terlibat dengan pendidikan inklusif serta ibu bapa MBK sendiri. Kajian ini juga dapat memberi manfaat kepada semua pihak yang terlibat dengan perkembangan pembelajaran murid kurang upaya samada di sekolah, Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang berkaitan.

1.4 Objektif Kajian

Tujuan utama kajian ini adalah meneroka faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan pengajaran guru pendidikan khas masalah pembelajaran khususnya.

Secara khususnya objektif kajian ini adalah untuk:

1.4.1 Meneroka faktor-faktor yang mempengaruhi kejayaan pengajaran guru pendidikan khas terhadap MBK masalah pembelajaran di Program Pendidikan Khas Integrasi.

1.4.2 Mengenal pasti strategi-strategi pengajaran yang boleh mempengaruhi keberkesanan pengajaran guru pendidikan khas di Program Pendidikan Khas Integrasi?

1.4.3 Mengenal pasti prosedur pengajaran yang diamalkan mempengaruhi keberkesanan pengajaran guru pendidikan khas di Program Pendidikan Khas Integrasi.

1.4.4 Mengenal pasti kekangan yang dihadapi oleh guru pendidikan khas dalam melaksanakan pengajaran berkesan di Program Pendidikan Khas Integrasi.

1.5 Persoalan Kajian

1.5.1 Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi kejayaan pengajaran guru pendidikan khas terhadap MBK masalah pembelajaran di Program Pendidikan Khas Integrasi.

- 1.5.2 Apakah strategi-strategi pengajaran yang mempengaruhi keberkesanan pengajaran guru pendidikan khas di Program Pendidikan Khas Integrasi?
- 1.5.3 Adakah prosedur pengajaran yang diamalkan mempengaruhi keberkesanan pengajaran guru pendidikan khas di Program Pendidikan Khas Integrasi?
- 1.5.4 Apakah kekangan yang dihadapi oleh guru pendidikan khas dalam melaksanakan pengajaran berkesan di Program Pendidikan Khas Integrasi?

1.6 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual kajian yang dihasilkan untuk kajian ini adalah bertujuan untuk meneroka faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan pengajaran guru pendidikan khas MBK masalah pembelajaran. Kerangka konsep kajian ini adalah gabungan hasil daripada Model Pengajaran QAIT oleh Slavin (2006) dan Model Guru Sebagai Penentuan Kecekapan (Cooper, 2006) supaya menjadi satu kerangka konsep yang bersifat khusus dan selari dengan matlamat kajian untuk meneroka faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan pengajaran guru. Selain itu kajian ini juga turut mengenal pasti strategi pengajaran yang sering diamalkan oleh peserta kajian dalam pengajaran mereka. Seterusnya kajian ini turut mengenal pasti prosedur pengajaran yang dilakukan oleh peserta kajian yang meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan penilaian yang dilakukannya. Kajian ini juga turut mengenal pasti kekangan-kekangan yang dihadapi oleh peserta kajian untuk melakukan pengajaran yang berkesan di bilik darjah.




Kesemua aspek-aspek yang dikaji adalah merupakan perkara penting yang menjurus faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan guru pendidikan khas masalah pembelajaran di bilik darjah.

Guru pendidikan khas MBK masalah pembelajaran adalah merupakan ciri-ciri utama berdasarkan kedua-dua model iaitu Model QAIT oleh Slavin (2006) dan Model Guru Penentuan Kecekapan Oleh Cooper (2006) bagi meneroka faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan pengajaran guru. Model QAIT oleh Slavin (2006) digunakan bagi dijadikan sebagai panduan dan untuk memantapkan analisis dalam kajian ini. Model Slavin yang menfokuskan kepada empat perkara iaitu kualiti, aras pengajaran, insentif dan masa digunakan sebagai asas kepada faktor-faktor yang mempengaruhi kejayaan pengajaran guru dalam kajian ini.



Model Penentuan Kecekapan Guru oleh Cooper (2006) yang berkaitan prosedur pengajaran iaitu perancangan, pelaksanaan dan penilaian digunakan untuk melihat aspek-aspek tersebut dalam pengajaran guru yang berkesan di bilik darjah. Selain itu pemilihan strategi pengajaran adalah bertujuan untuk meneroka faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan guru yang lebih mendalam dapat dilakukan. Walaupun kedua-dua model ini bukan merupakan model pengajaran guru yang berkesan untuk MBK masalah pembelajaran namun pengkaji cuba untuk menggunakannya berbanding Model Konseptual Kurikulum Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran.





Rajah 1.1. Kerangka Konseptual faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan pengajaran guru pendidikan khas masalah pembelajaran

Kerangka konseptual kajian dalam rajah 1.1 adalah merupakan gambaran bahawa untuk meneroka faktor-faktor mempengaruhi keberkesanan pengajaran guru pendidikan khas masalah pembelajaran, penyediaan langkah-langkah pelaksanaan dan prosedur pengajaran seperti yang terdapat dalam model-model tersebut digunakan untuk mengenal pasti aspek-aspek dalam keberkesanan pengajaran guru pendidikan khas masalah pembelajaran di bilik darjah. Dalam kajian ini guru pendidikan khas masalah pembelajaran yang merupakan kumpulan yang berkait rapat dalam pengajaran terhadap MBK masalah pembelajaran terlibat untuk kajian ini. Sehubungan dengan itu perkara-perkara yang merupakan amalan pengajaran guru seperti strategi pengajaran, prosedur pengajaran dan kekangan yang dihadapi akan dikenal pasti dalam kajian ini. Berdasarkan dapatan-dapatan kajian tersebut maka tujuan kajian ini iaitu meneroka faktor-faktor yang mempengaruhi kejayaan dalam pengajaran guru dapat dikenal pasti

dan dijadikan panduan serta rujukan pelbagai pihak yang berkaitan dengan keperluan pembelajaran MBK masalah pembelajaran di Program Pendidikan Khas Integrasi.

1.7 Definisi Operasional

Bagi memberi pengertian yang jelas dan mudah difahami berkaitan objektif kajian yang dilakukan dalam kajian ini, beberapa definisi istilah penting telah dinyatakan bagi memudahkan pemahaman perjalanan kajian yang dijalankan.

1.7.1 Meneroka Faktor-Faktor Keberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)

Meneroka keberkesanan pengajaran dalam kajian ini adalah bermaksud menerokai apakah faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan pengajaran guru pendidikan khas masalah pembelajaran di Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI). Dalam kajian ini guru pendidikan khas sebagai pihak yang bertanggungjawab untuk melaksanakan pembelajaran terhadap MBK masalah pembelajaran di bilik darjah. Dalam kajian ini berkemungkinan terdapat idea-idea baharu pengajaran yang dijalankan oleh guru pendidikan khas serta sesuai untuk turut dilaksanakan orang guru-guru lain bagi tujuan pengajaran yang lebih berkesan. Sebagai agen penyebaran ilmu pengetahuan serta kemahiran terhadap murid sudah tentu pengetahuan dan digabungkan pengalaman dimiliki oleh peserta dapat dikongsi bersama bagi menjayakan dan menjadikan pengajaran mereka lebih berkualiti. Oleh itu untuk menjadikan guru pendidikan yang mempunyai kompetensi pengajaran yang tinggi

maka sikap guru yang sentiasa optimis tentang perubahan dan perkongsian dalam bidang pengajaran yang berkualiti amat diperlukan.

Selanjutnya untuk meneroka faktor-faktor keberkesanan pengajaran guru dalam kajian ini, merupakan tinjauan secara mendalam dan menyeluruh yang dilakukan terhadap peserta kajian seramai lapan untuk mengetahui beberapa teknik dan kaedah pengajaran mereka yang dianggap sebagai berjaya atau mencapai matlamat pengajaran. Kajian ini adalah selaraskan dengan kajian oleh Roslina, Nik Mohd dan Hamdzun (2021) bahawa untuk mewujudkan pengajaran yang berkesan guru hendaklah memahami konsep pendekatan, teknik, kaedah dan memilih strategi yang bersesuaian dengan mengambil kira pelbagai faktor yang berlaku terhadap murid. Oleh itu kajian mereka ini bertepatan dan sesuai untuk dilaksanakan sebagai meneruskan serta menambah sambungan kajian-kajian yang lepas.

1.7.2 Guru Pendidikan Khas

Guru pendidikan khas adalah merupakan golongan guru yang memberikan perkhidmatan kepada MBK yang mempunyai masalah ketidakupayaan pendengaran, ketidakupayaan penglihatan dan masalah pembelajaran. Guru Pendidikan khas yang mengajar MBK masalah pembelajaran di PPKI merupakan guru yang mendapat latihan yang khusus untuk mengajar MBK. Kelayakan dan latihan yang diterima melayakkan mereka untuk mengajar dan memberikan pembelajaran kepada mereka. Tugas sebagai guru pendidikan khas pula bukanlah tugas yang mudah kerana mereka perlu berhadapan dengan murid pelbagai kategori dan memerlukan pendekatan pembelajaran yang



berbeza. Walaupun sesetengah MBK memiliki kecerdasan yang hampir sama dengan murid tipikal lain namun cara mereka memproses maklumat adalah berbeza. (Nurfishah Mat Rabi, 2019). Justeru itu, untuk melaksanakan pengajaran yang berkesan faktor pengetahuan, pengalaman dan kemahiran mereka amat diperlukan.

Dalam kajian ini, guru pendidikan khas merupakan guru yang mengajar sepenuh masa dan mempunyai kelayakan yang mencukupi serta mempunyai komitmen yang tinggi. Tugas mereka bukan hanya mengajar untuk menghabiskan sukatan sebaliknya perlu menyediakan suasana PdP yang kondusif, merancang dan melaksanakan PdP yang sesuai, mengesan kelemahan murid serta mengaplikasikan kaedah atau teknik yang terbaik untuk MBK. Guru-guru pendidikan khas dalam kajian ini adalah merupakan guru yang berpengalaman seperti (a) menguruskan PdP yang efektif dan berkesan, (b) sentiasa berusaha mencari kaedah baharu dalam PdP dan (c) mendapat kerjasama daripada semua guru dan pihak sekolah dalam menambaihbai pelaksanaan PdP yang lebih berkualiti dan sesuai dengan perubahan pengurusan pendidikan masa kini. Menurut Zalizan (2009) keberkesanan pengajaran guru pendidikan khas adalah melalui pengalaman serta kemahiran guru ke arah menyediakan rancangan pengajaran yang lebih efektif, mengubahsuai kaedah PdP dan cara menyampaikan maklumat yang tepat serta sesuai dengan keperluan pembelajaran untuk mereka.



1.7.3 Murid Berkeperluan Khas Masalah Pembelajaran

Murid pendidikan khas masalah pembelajaran atau dalam kajian ini dikenali sebagai MBK masalah pembelajaran bermaksud kanak-kanak yang mempunyai masalah kecerdasan otak yang tidak selaras dengan usia biologikalnya. Ia berhubung kait dengan masalah kesihatan dan mental yang menyebabkan mereka menghadapi masalah untuk menerima dan memproses maklumat yang diperolehi secara tepat. MBK masalah pembelajaran mempunyai masalah kognitif (kerencatan akal) yang dianggap boleh belajar dan boleh mendapat manfaat daripada pendidikan formal yang disediakan. (Bahagian Pendidikan Khas, KPM 2015).

Kategori MBK masalah pembelajaran adalah seperti lewat perkembangan global, Sindrom Down, Kurang Upaya Intelektual, Autisme, Attention Deficit Hyperactivity Disorder (ADHD) dan masalah pembelajaran Spesifik. Rumusan terhadap MBK masalah pembelajaran kajian ini adalah mereka mempunyai kurang upaya kognitif, intelektual, emosi, fizikal, bahasa komunikasi dan tingkah laku yang tetapi masih berupaya untuk mengikuti pembelajaran. Oleh itu MBK masalah pembelajaran ini sudah tentu memerlukan penyediaan pendidikan yang spesifik sejajar dengan masalah yang dialami oleh mereka. Maka peranan dan tanggungjawab guru pendidikan khas masalah pembelajaran sebagai agen utama dalam penyampaian ilmu amat dituntut. Maka beberapa langkah penyesuaian dalam pengajaran dan sokongan tambahan haruslah dilakukan berdasarkan keperluan pembelajaran murid (Manisah, 2009). Dalam kajian ini MBK masalah pembelajaran adalah murid yang mengikuti pembelajaran sepenuh masa di PPKI dan terdiri daripada pelbagai kategori pembelajaran yang memerlukan pengajaran dan pembelajaran yang lebih khusus.

1.7.4 Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI)

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyediakan pendidikan khas integrasi untuk MBK dengan memberikan penekanan dari aspek perkembangan jasmani, emosi, rohani dan intelek supaya MBK ini dapat menerima pendidikan yang sama dengan murid normal yang lain. Ia bertujuan supaya mereka juga mempunyai masa depan yang lebih cerah dan boleh meneruskan kehidupan secara berdikari bersama-sama masyarakat kelak. Berdasarkan Akta Pendidikan 1996, Peraturan-peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas 2013) Bahagian 3, 'Program Pendidikan Khas Integrasi' atau PPKI iaitu suatu program pendidikan untuk MBK menerima akses pendidikan di sekolah kerajaan atau bantuan kerajaan. Program tersebut diwujudkan di sekolah harian biasa rendah dan menengah serta sekolah menengah teknik dan vokasional dengan menggunakan pendekatan secara berasingan dan separa inklusif (Bahagian Pendidikan Khas, KPM 2015).

PPKI untuk murid bermasalah pembelajaran merupakan satu platform yang dapat memberi peluang kepada MBK untuk mendapat pendidikan dan menimba pengalaman belajar di tempat yang sama seperti murid tipikal yang lain berdasarkan prinsip-prinsip normalisasi. (Mohd Hanafi, Safani, Mohd Mokhtar & Hasnah, 2012). MBK yang mendapat pendidikan di PPKI turut berpeluang untuk menambahbaik pencapaian akademik, emosi yang stabil, keupayaan bersosial serta dapat latihan dan kemahiran yang lebih tersusun. Melalui perkembangan kemahiran sosial dapat membantu MBK untuk membina kekuatan dan hubungan yang positif di sekolah dan berjaya bersama-sama menjadikan diri mereka sebagai ahli masyarakat yang mampu memberi manfaat kepada negara. (Safani, Mohd. Mokhtar & Madinah, 2013).

MBK perlu dilatih supaya mempunyai kemahiran sosial yang baik, mampu mengawal emosi, tingkah laku yang positif akan mudah diterima oleh rakan, berjaya membina persahabatan dan hubungan yang kuat keluarga serta masyarakat sekeliling. Oleh itu mereka perlu dilibatkan diri dalam masyarakat untuk meningkatkan tahap kemahiran sosial sebagai persediaan untuk menjadi sebagai sebahagian anggota masyarakat yang bermakna. Justeru itu tindakan yang paling sesuai adalah melalui pendidikan di sekolah yang menawarkan pendidikan untuk mereka serta diajar oleh guru yang terlatih dan berpengalaman untuk menyediakan keperluan pembelajaran mereka. (Morningstar, Diana, Coral et al.2012).

1.8 Batasan Kajian

Kajian ini adalah berbnetuk kualitatif yang bertujuan untuk meneroka faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan pengajaran guru pendidikan khas bagi MBK masalah pembelajaran. Kajian ini meneroka pelaksanaan PdP guru di bilik darjah PPKI tentang langkah pengajaran dari segi kualiti, aras pengajaran, insentif dan masa serta prosedur pengajaran yang diaplikasikan oleh guru terhadap MBK masalah pembelajaran. Namun begitu terdapat beberapa batasan kajian yang dihadapi. Antaranya adalah kajian ini menggunakan ini melibatkan guru-guru pendidikan khas yang mengajar MBK masalah pembelajaran di Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) sekolah menengah dalam lokasi tertentu sahaja dan dapatan yang didapati adalah berdasarkan faktor-faktor yang berlaku di sekolah berkenaan.

Peserta kajian yang terlibat adalah seramai lapan peserta kajian di beberapa sekolah yang dipilih berdasarkan kepada aspek yang mudah untuk pengkaji akses bagi menjalankan kajian ini. Peserta kajian dan sekolah yang dipilih adalah berdasarkan aspek kerjasama yang mampu memenuhi keperluan kajian iaitu fokus kepada faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan pengajaran guru berdasarkan maklumat dari peserta kajian. Oleh itu pandangan yang dinyatakan oleh peserta kajian berkaitan objektif kajian adalah situasi yang berlaku di sekolah yang terlibat.

1.9 Kepentingan Kajian

Kajian ini bertujuan meneroka faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan pengajaran guru-guru pendidikan khas masalah pembelajaran di Program Pendidikan Khas Integrasi. Kajian ini dapat memberi ruang dalam bentuk sumbangan kepada guru-guru pendidikan khas, pembantu pengurusan murid (PPM), guru aliran perdana yang terlibat dengan program inklusif, ibu bapa, petugas Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) serta pihak yang terlibat dengan golongan kurang upaya. Penemuan hasil kajian berdasarkan pengetahuan dan pengalaman yang diperolehi daripada peserta kajian terhadap faktor-faktor yang boleh mempengaruhi keberkesanan pengajaran pendidikan khas masalah pembelajaran.

Dapatan daripada kajian ini boleh memberi manfaat kepada bentuk amalan pengajaran guru pendidikan khas masalah pembelajaran terutama mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi kejayaan pengajaran mereka terhadap MBK masalah pembelajaran. Dapatan daripada kajian ini juga penting terutama pihak yang berkaitan



seperti penggubalan dasar untuk MBK, kurikulum, kursus pembangunan profesionalisme guru, kemudahan infrastruktur dan lain-lain yang boleh memberi manfaat kepada kemenjadian MBK masalah pembelajaran. Program peningkatan PdP yang disusun dengan baik perlu didedahkan kepada semua guru dan bakal guru yang terlibat mengajar MBK. Pemantapan dan kecekapan guru pendidikan khas melaksanakan pengajaran yang berkesan mampu memberikan impak yang positif terhadap perkembangan potensi dan kemenjadian MBK masalah pembelajaran khususnya.

Di peringkat Bahagian Pendidikan Khas, KPM juga mendapat manfaat hasil kajian ini supaya untuk menyediakan, menyebarkan luas dan memastikan program peningkatan dan keberkesanan PdP MBK. Perancangan yang sistematik, menyediakan bahan atau alat sokongan yang diperlukan MBK serta menilai pelaksanaan PdP termasuk Rancangan Pendidikan Individu (RPI) dapat disediakan berdasarkan kepada maklumat awal berdasarkan kajian ini terhadap faktor-faktor keberkesanan pengajaran yang diperolehi.

Pihak sekolah yang menawarkan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) juga boleh memperoleh manfaat daripada hasil kajian ini. Antaranya, dapat mengenalpasti kekangan-kekangan yang dihadapi oleh guru yang mengajar MBK dan bersedia mempermudah urusan penyediaan bahan-bahan PdP dan bilik darjah yang diperlukan oleh guru MBK dalam situasi yang sebenarnya berlaku. Selain itu, hasil daripada kajian ini juga boleh dijadikan rujukan atau panduan oleh ibu bapa atau penjaga MBK. Secara jelasnya, kemenjadian seseorang MBK itu tidak hanya



bergantung sepenuhnya kepada guru dan pihak sekolah sahaja, sebaliknya mereka juga perlu dilatih, dibimbing dan dibantu secara konsisten oleh ibu bapa di rumah.

1.10 Rumusan Bab

Bagi mengenal pasti keperluan pembelajaran untuk MBK masalah pembelajaran khususnya kajian yang berkaitan faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan pengajaran guru wajar dilakukan. Dalam kajian ini mungkin terdapat beberapa penemuan baharu yang boleh digunakan oleh pengkaji lain atau pihak yang terlibat dengan pengajaran MBK. Oleh itu kajian ini sesuai untuk dilaksanakan untuk menambah kajian-kajian sedia ada berkaitan faktor yang mempengaruhi keberkesanan pengajaran guru, strategi pengajaran, prosedur pengajaran dan kekangan yang dihadapi. Semoga kajian ini dapat memberi manfaat kepada guru-guru pendidikan khas masalah pembelajaran khususnya, guru program inklusif, ibu bapa dan pihak yang terlibat bersama murid. Akhirnya dalam bab ini telah membincangkan latar belakang kajian, permasalahan kajian, tujuan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, kerangka konseptual kajian, batasan kajian, kepentingan kajian dan definisi operasional. Perbincangan terhadap aspek-aspek penting kajian bertujuan untuk memberi gambaran awal tentang apakah tujuan kajian iaitu meneroka faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan pengajaran guru untuk MBK masalah pembelajaran dilakukan. Hasil dapatan kajian ini dapat membantu penambahan ilmu dan pembangunan profesionalisme guru-guru pendidikan khas, guru baharu, guru aliran perdana yang mengajar MBK masalah pembelajaran dalam program inklusif serta pihak yang terlibat

dengan MBK seperti Pusat Pemulihan dalam Komuniti (PDK) dan pertubuhan badan bukan kerajaan (NGO) yang berkaitan dengan murid berkeperluan khas.